

# Peranan SSM tangani jenayah ekonomi

Sedia latihan tingkat pengetahuan undang-undang, etika, integriti profesional kendali syarikat

Berita Harian 25/06/2020 M/S 35



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Oleh Mona Ahmad  
dan Habsah Dinin  
bhnews@bharian.com.my


**M**ALAYSIA masih berada di zon selamat dalam isu membabitkan jenayah ekonomi berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun.

Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Aishah Bidin, berkata ini berikutan keberkesanan peranan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga disokong oleh sistem perundangan yang hampir lengkap dibangunkan di negara ini sejak sekian lama dalam melakukan pemantauan dan penyiasatan terhadap kes di-

menjadi penanda aras statistik jenayah ekonomi antara-bangsa dilihat masih gagal mengekang peningkatan jenayah ekonomi dalaman mereka walaupun dikatakan memiliki sistem perundangan yang sangat ketat.

Aishah menjelaskan, semuanya berpunca daripada faktor kemanusiaan yang tiada integriti hingga menjadi punca kes jenayah amarah, salah laku, jenayah dagangan dalam, jualan singkat dan juga penipuan berlaku.

"Malaysia bernasib baik kerana wujudnya undang-undang berkaitan perkara ini yang hampir lengkap dan ini disokong oleh peranan badan kawal selia seperti SSM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menangani



**PESERTA** simposium The Regional Cambridge International Berkaitan Jenayah Ekonomi diberi kesedaran mengenai jenayah berkenaan.

laporkan.  
Katanya, statistik jumlah aduan jenayah ekonomi menunjukkan peningkatan dua kali ganda dalam tempoh empat tahun, daripada sebanyak 44 peratus aduan diterima pada 2003, meningkat kepada 91 peratus pada 2007.  
Negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun yang

(SC) yang cekap dan telus.  
"Kita ada Akta Syarikat 1965, Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal 2007 dan Akta Pemberi Maklumat 2010 yang jika dilaksanakan sepenuhnya mampu menghalang dan mengurangkan kes jenayah ekonomi daripada berleluasa di negara ini.  
"Namun, faktor jenayah kemanusiaan sukar dibendung kecuali melengkapkan peneraju syarikat dengan etika dan integriti dalam mengendalikan syarikat," katanya selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'The Way Ahead' dalam Simposium The Regional Cambridge International Berkaitan Jenayah Ekonomi di Kuala Lumpur, semalam.

Simposium tiga hari itu dianjurkan SSM dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Dokumentasi Mengenai Jenayah Ekonomi dan Terancang (CIDOEC) Jesus College, Universiti Cambridge di United Kingdom.  
Jenayah ekonomi atau jenayah korporat biasanya membabitkan mereka yang berada dalam pengurusan tertinggi sesebuah syarikat dalam pelbagai industri khususnya dalam pasaran modal dan perbankan di negara ini.  
Aishah yang juga Profesor dalam Undang-Undang Korporat dan Insolvensi berkata, pengesanan kes mesti dilakukan juruaudit dalaman dan luaran, selain aduan pihak berkaitan seperti pemberi maklumat, ahli lembaga



“Selain peranan juruaudit, pihak pengarah, ahli lembaga pengarah dan pemegang saham syarikat tak boleh lepas tangan dan mereka wajib mengetahui hak dan peraturan ditetapkan”

**Aishah Bidin**  
Dekan Fakulti  
Undang-Undang UKM



“SSM sedia siri latihan golongan profesional bagi tingkat pengetahuan undang-undang, etika dan integriti dalam mengendalikan syarikat”

**Nor Azimah  
Abdul Aziz**  
Pengarah Akademi  
Latihan SSM

pengarah, pengarah syarikat dan juga pemegang saham syarikat.

"Mereka yang dapat ngesan adanya kes jenayah ekonomi berlaku perlu segera melaporkan kepada SSM atau SC," ujarnya.

Oleh itu katanya, sangat penting laporan juruaudit dibentangkan secara telus serta mematuhi Akta Syarikat 1965.

"SSM dan SC sentiasa memainkan peranan proaktif menangani isu jenayah ekonomi di negara ini.

"Selain peranan juruaudit, pihak pengarah, ahli lembaga pengarah dan pemegang saham syarikat tidak boleh lepas tangan dan mereka wajib mengetahui hak dan peraturan ditetapkan.

"Undang-undang negara tidak memberi pengecualian walaupun mereka naif mengenai peraturan dan un-

dang-undang berkenaan," katanya.

Beliau memberitahu, peratusan peningkatan jumlah aduan kes diterima terhadap jenayah ekonomi menunjukkan tahap kesedaran mereka dalam bidang ini semakin tinggi.

Bagaimanapun katanya, kekangan yang dihadapi pihak kawal selia ialah keadaan jenayah ekonomi itu sendiri yang menyukarkan untuk mengemukakan pembuktian yang sekali gus sabitkan kesalahan.

Justeru, katanya, kepakaran dan kemahiran tinggi perlu kerana pembuktian jenayah ekonomi banyak membabitkan aspek teknikal dan maklumat sensitif.

Isu etika, katanya, memainkan peranan penting bagi memastikan jenayah ekonomi dapat ditangani.

Tambahnya, satu usaha

untuk memelihara integriti dan sistem telus dalam pasaran ekonomi, negara perlu mempunyai kelompok profesional pelapis yang beretika iaitu mereka dilatih dari peringkat universiti lagi.

"Oleh itu, universiti harus meluaskan subjek pengajian yang menyentuh mengenai jenayah ekonomi dan etika yang perlu dipatuhi golongan profesional dalam usaha melahirkan generasi yang lebih bertanggungjawab pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Akademi Latihan SSM (COMTRAC), Nor Azimah Abdul Aziz, berkata SSM menyediakan siri latihan untuk pengarah, ahli lembaga pengarah, setiausaha syarikat dan pemegang saham bagi meningkatkan pengetahuan undang-undang, etika dan integriti dalam mengendali-

kan syarikat.

"Antara kursus ditawarkan termasuk program latihan pengarah korporat, program latihan setiausaha berlesen, siri pengarah SSM, siri setiausaha syarikat SSM, undang-undang syarikat, kewangan, siri perdagangan dan perusahaan kecil dan sederhana dan penguatkuasaan urus tadbir baik dengan kadar yuran yang sangat berpatutan," katanya.

Sehingga Disember tahun lalu, COMTRAC sudah menganjurkan 373 program yang disertai 16,279 peserta daripada syarikat tempatan dan luar negara.

Simposium The Regional Cambridge International Berkaitan Jenayah Ekonomi adalah forum antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian kerjasama global yang memberi kesedaran menyelesaikan isu jenayah korporat.

#### FAKTA NOMBOR

**572**  
**syarikat**

Aduan diterima SSM sehingga Mei 2010

**159**  
**perniagaan**

Aduan diterima SSM sehingga Mei 2010

**524**  
**syarikat**

Aduan diselesaikan SSM sehingga Mei 2010

**133**  
**perniagaan**

Aduan diselesaikan SSM sehingga Mei 2010